

**Pemudah
platform
atasi masalah
birokrasi**

B.H. m/s 3
9.2.07

KUALA LUMPUR: Pasukan Petaugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah), akan menjadi platform untuk sektor awam dan swasta membincangkan masalah dalam usaha membaiki imej penyampaian awam yang sering dilabel sebagai punca kelewatan projek.

Timbalan Pengerusi Dewan Perdagangan dan Industri Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), Chua Tia Guan, berkata Pemudah akan menyediakan laluan bagi menyelesaikan birokrasi, pada masa sama memanfaatkan semua pihak.

"Sebelum membaikinya, kita perlu memahami masalah itu terlebih dulu," katanya yang juga seorang daripada 23 anggota Pemudah diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan menubuhkan Pemudah yang menggabungkan profesional sektor awam dan swasta bagi menambah baik sistem penyampaian kerajaan dan merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Seorang lagi anggota Pemudah, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Datin Arpah Abdul Razak, berkata pasukan itu akan berusaha menambah baik pelbagai prosedur dan proses di dalam peranan kerajaan tempatan.

"Kita juga akan mengenal pasti masalah birokrasi serta berusaha mengurangkan elemen tenaga manusia dalam pelbagai urusan kerajaan tempatan," katanya.

Arpah berkata, sebelum ini pun sistem penyampaian kerajaan tempatan sentiasa dipermudahkan tetapi kejayaannya banyak bergantung kepada faktor masa.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Roslan Awang Chik, berkata penubuhan Pemudah adalah pendekatan agresif kerajaan bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ia seperti kaedah turun padang apabila tampuk tertinggi memantau dan menambahbaik sistem penyampaian awam selain mengemukakan idea untuk memudahkan pengendalian semua jenis perniagaan," katanya.

Pengamal industri pembinaan pula meminta Pemudah mengubah prosedur lapuk seperti reka dan bina serta siap bina yang menjadi punca projek terbengkalai.

Pengurus Projek Intra-Sine Seong Hin Sdn Bhd (Intra-Sine), Subahir Taib, berkata dua kaedah itu membebaskan kontraktor kerana perlu menampung semua kos reka bentuk dan pembinaan hingga projek siap sebelum menunggu bayaran.